

**Najib Harap Putrajaya Jadi Pusat Kegiatan Sukan Dan Kecergasan Mesra Belia
Bernama
4 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 4 April (Bernama) -- Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak berharap program Kayuhan Patriotik 1Malaysia dapat menjadikan Putrajaya sebagai pusat kegiatan aktiviti sukan dan kecergasan yang mesra generasi muda.

Perdana Menteri yang menyertai kira-kira 10,000 peserta pada program itu semalam berkata sepanjang kayuhan, beliau berpeluang menikmati keindahan Putrajaya yang menjadi mercu tanda pentadbiran kerajaan.

"Semalam saya menyertai rakyat dari pelbagai lapisan masyarakat pada program Kayuhan Patriotik 1Malaysia.

"Alhamdulillah, pada program itu saya berjaya menamatkan kayuhan sejauh 12 kilometer bersama para peserta yang lain," katanya dalam entri terbaharu di Facebook.

Turut serta pada program Kayuhan Patriotik 1Malaysia ialah Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan menteri-menteri Kabinet.

Program kayuhan itu yang merupakan cetusan idea Perdana Menteri dianjurkan dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya, Yayasan Rakyat 1Malaysia, Kementerian Pelajaran, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=939591>